

# Bangkit daripada kepayahan



**Kekangan ekonomi** mendorong jutawan Internet mencuba pelbagai cara mendapatkan wang bagi meringankan beban keluarga >>6



# Ammar berniaga di tempat letak kereta sebelum bangkit mengasaskan Jootawan Group



**FOKUS**

Oleh Siti Salmiah A Hamid  
salmiah@mediaprima.com.my

**M**eraih pendapatan sehingga lima angka bukanlah sesuatu yang pernah dimimpikan jejaka ini yang mempunyai pendidi-

kan berbeza dengan kerjayanya sekarang.

Lahir daripada keluarga yang susah, Muhammad Ammar Zaharudin bersikap optimis dalam mencari peluang bagi menampung keperluannya sewaktu belajar di universiti.

Mengingati kepayahan dulu, segala-galanya bermula sewaktu dia belajar

di Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 2006.

“Saya ditawarkan kursus senibina landskap. Seperti bidang pengajian lain, ia memerlukan pelbagai perbelanjaan bagi memenuhi syarat lulus akademik.

“Meskipun menerima pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), masih



PERISIAN Aztetic memudahkan pemilik web dan pengguna.





AMMAR (duduk) dikelilingi pekerja dan isterinya, Leedy (kanan).

tidak mampu menampung pembelajaran apatah lagi perlu membeli peralatan set melukis, set mewarna, mencetak pelan atau mengikuti lawatan sambil belajar.

“Bayangkanlah, dengan keadaan ibu bapa yang hanya berniaga secara kecil-kecilan, pasti sukar menampung pengajian saya dan kakak di universiti, adik-adik pula masih kecil dan bersekolah,” katanya.

Kekangan ekonomi mendorong penda berusia 26 tahun ini mencuba pelbagai cara menda-

tan wang sampingan bagi meringankan beban keluarganya.

“Setiap kali cuti semester, Sabtu dan Ahad, saya habiskan masa dengan mencari pelanggan.

“Perniagaan pertama bermula dengan menjual tali pinggang, cermin mata, pen, tali leher dan buku secara langsung sama ada di gerai makan atau tepi jalan.

“Malah, saya pernah dihalau pihak berkuasa tempatan (PBT) kerana berniaga di tempat letak kenderaan di depan sebuah pusat membeli-belah dan berniaga tanpa lesen di pasar ma-

lam,” katanya.

Risau dengan keadaan dirinya yang tidak mampu mengurus masa antara belajar dan mencari wang bagi menampung pelajaran, dia mula mengikuti satu seminar laman web.

“Ilmu yang diperoleh membolehkan saya menawarkan perkhidmatan membina laman web selain membuat logo, mereka bentuk grafik dan mengemas kini laman web.

“Untuk memperkenalkan servis ini, saya lakukan secara manual iaitu bergerak dari satu pejabat ke kedai dengan harga serendah RM299. Dalam sebulan, dapatlah seorang dua pelanggan,” katanya.

Mesra dipanggil Ammar, dia mula mendalami ilmu Internet selepas mendapat idea menjual produk di Internet.

Bermula dengan menjual bahan grafik sedia ada, dia berjaya menjana RM1,000 dalam masa seminggu yang hanya menggunakan kos berjumlah RM100.

Rentetan itu, dia memperkenalkan produk sendiri seperti Duit Mania, kahwina, Strategi Wang!, Sukses Mania, Affiliate A+ dan Farm Ville Game Cheat.



# Jutawan Internet pernah dihalau



Konsep awal adalah menurus kepada paparan dan maklumat media iaitu produk informasi yang dijual di Internet dalam bentuk 'banner' yang memaparkan iklan dari pelbagai syarikat.

Ketika itu, lebih 100 produk informasi terjual di Internet yang mewakili pelbagai syarikat maka, perkhidmatan, pelaburan, kewangan, motivasi dan permainan atas talian atau 'online'.

Berganding bahu bersama isteri tersayang, Leedy Syariza Azman, 26, mereka memperkenalkan Jootawan Group, namun ia sebenarnya beroperasi

si dari Ammar Zahar Sdn Bhd sejak 2011.

"Masyarakat mengenai saya melalui perniagaan Internet dan e-buku yang dipasarkan di seluruh dunia sejak 2008.

"Untuk langkah seterusnya, saya memulakan operasi Jootawan secara fizikal di alam ben-

**"Ilmu yang diperoleh membolehkan saya menawarkan perkhidmatan membina laman web selain membuat logo, mereka bentuk grafik dan mengemas kini laman web"**

**Muhammad Ammar**

tuk seminar, motivasi, jualan buku dan 'compact disc' (CD), pengiklanan dan 'penerbitan majalah,' katanya.

Menariknya, seminar yang dianjurkan tidak terhenti di situ kerana dia turut membuka peluang kepada orang ramai yang ingin mengikuti kelas khas.

"Seminar saya menyediakan perkhidmatan dalam pelbagai bidang seperti hartanah, perniagaan Internet, sumber manusia dan perniagaan emas.

"Laman web e-dagang turut dibangunkan bagi memudahkan urusan antara pelanggan dan pen-

ganjur seminar selain memperkenalkan sistem Aztetic yang lebih memudahkan transaksi pembayaran," tambahnya.

Meniti kepayahan dulu, dia suka untuk mengingatkan diri dan keluarganya agar sentiasa bersyukur dengan kejayaan hari ini.

Dia merasa bertuah kerana kejayaan ini mendapat sokongan keluarga, malah ibu dan bapanya turut mengembangkan perniagaan pakaian di Facebook hasil dari pemantauannya.

Pada masa yang sama, dia turut membangunkan Apeje iaitu sebuah laman bercirikan perniagaan atau 'social commerce'.

Berkonsepkan perniagaan atas talian, ia adalah laman khas dibuka untuk penjual dan pembeli yang lebih ke arah profesional.

"Konsep stor di alam maya ini tidak memerlukan peniaga mempunyai laman webnya sendiri, membolehkan ia mempunyai pengikut dan mudah diuruskan sendiri oleh peniaga.

"Kami belum melancarkan laman Apeje secara rasmi malah tidak dibuka kepada orang ramai memandangkan masyarakat tempatan masih bergantung dengan laman Facebook untuk mengiklankan perniagaan.

"Akan tiba satu ketika laman Apeje digunakan secara meluas dan diperkenalkan kepada umum bagi membantu masyarakat tempatan meluaskan perniagaan dengan mudah di alam maya," katanya mengakhiri perbualan kami.

## Info

### Penerbitan yang dikeluarkan:

#### BUKU:

1. Empayar Perniagaan Internet
2. Blueprint Kejayaan
3. Temubual Jootawan (edisi 1)
4. Kejayaan Hakiki
5. Pelaburan Hartanah Tanpa Modal

#### DVD:

1. Empayar Perniagaan - In ternet (siri teknikal)
2. FB Ads Manaia
3. Clickbank Mania
4. Pelabur Jootawan (siri 1)
5. Rahsia Jutawan Logam

### Senarai jutawan Internet di dalam negara:

1. Azizi Ali (True Wealth Sdn Bhd)
2. Dr Noor Irfan Khairi Noor Azmi (Irfan Khairi Sdn Bhd)
3. Dr Aziz Osman (Richworks Human Capital Development (M) Sdn Bhd)
4. Ameer Noraizeedin Abdul Wahab (Ads4Bucks Network Sdn Bhd)
5. Muhammad Ammar Zaharudin (Jootawan Group Sdn Bhd)

### Senarai 40 orang terkaya di Malaysia 2011 (sumber Malaysian Business):

1. Robert Kuok - RM50.04 billion, 87 tahun, Kerry Group/ Kuok Group
2. Ananda Krishnan - RM45.78 billion, 73 tahun, Usaha Tegas
3. Teh Hong Piow - RM12.77 billion, 81 tahun, Public Bank
4. Lee Shin Cheng - RM12.74

billion, 72 tahun, IOI Group

5. Lim Kok Thay - RM10.89 billion, 59 tahun, Genting Group

6. Quek Leng Chan - RM10.75 billion, 70 tahun, Hong Leong Group

7. Syed Mokhtar AlBukhary - RM8.84 billion, 59 tahun, Yayasan AlBukhary

8. Lee Kim Hua - RM7.43 billion, 82 tahun, Genting Group

9. Tiong Hiew King - RM4.77 billion, 75 tahun, Rimbunan Hijau

10. Ong Bee Seng - RM3.98 billion, Hotel Properties Ltd

11. Azman Hashim - RM3.93 billion, 71 tahun, Amcorp

12. Vincent Tan - RM2.43 billion, 59 tahun, Berjaya Group

13. Lee Yeow Chor - RM1.998 billion, 45 tahun, IOI Group

14. Lee Yeow Seng - RM1.962 billion, 33 tahun, IOI Group

15. Lee Oi Hian - RM1.859 billion, 61 tahun, Batu Kawan

16. Lee Hau Hian - RM1.855 billion, 58 tahun, Batu Kawan

17. Yeoh Tiong Lay - RM1.811 billion, 81 tahun, YTL Group

18. Lau Cho Kun - RM1.775 billion, 75 tahun, Hap Seng Consolidated

19. Mokhzani Mahathir - RM1.665 billion, 49 tahun, Kencana Petroleum

20. Jeffrey Cheah Fook Ling - RM1.536 billion, 65 tahun, Sunway Group

21. Dr. Lim Wee Chai - RM1.244 billion, 53 tahun, Top Glove Corp

22. Francis Yeoh Sock Ping - RM1.229 billion, 57 tahun, YTL Group

23. Yeoh Seok Hong - RM1.129 billion, 52 tahun, YTL Group

24. Yeoh Seok Kian - RM1.098 billion, 54 tahun, YTL Group

25. Mark Yeoh Seok Kah - RM1.096 billion, 46 tahun, YTL Group

26. Michael Yeoh Sock Siong - RM 1.092 billion, 51 tahun, YTL Group

27. Tony Fernandes - RM1.092 billion, 46 tahun, AirAsia

28. Kamarudin Meranun - RM0.856 billion, 49 tahun, AirAsia

29. Chong Chook Yew - RM0.813 billion, 88 tahun, Selangor Properties

30. Shahril Shamsuddin - RM0.804 billion, 50 tahun, Sapura Group

31. Shahrman Shamsuddin - RM0.791 billion, 42 tahun, Sapura Group

32. Liew Kee Sin - RM0.786 billion, 52 tahun, SP Setia

33. Yaw Teck Seng - RM0.699 billion, 73 tahun, Samling Group

34. Ong Leong Huat - RM0.621 billion, 67 tahun, OSK Holdings

35. Leong Hoy Kum - RM 0.618 billion, 54 tahun, Mah Sing Group

36. Lee Swee Eng - RM 0.570 billion, 56 tahun, KNM Group

37. Raja Eleena Raja Azlan Shah - RM0.568 billion, 50 tahun, Gamuda

38. Tan Heng Chew - RM0.557 billion, 65 tahun, Tan Chong Motors Holding

39. Stanley Thai Kim Sim - RM0.539 billion, 51 tahun, Supermax Corp

40. Tony Tiah Thee Kian - RM0.524 billion, 64 tahun, TA Enterprise





ANTARA hasil kerja Jootawan Group.

BERKONGSI kejayaan yang dicapai sejak tujuh tahun lalu.



SESI pembelajaran dalam kelas.



## Biodata



**Jawatan:** Ketua Pegawai Eksekutif, Ammar Zahar Sdn Bhd dan Ketua Pegawai Eksekutif, Jootawan Group Sdn Bhd  
**Tarikh Lahir:** Mac 25, 1987  
**Asal:** Johor  
**Pendidikan:** Ijazah Senibina Landskap, Universiti Pertanian Malaysia  
**Hobi:** Membaca, bermain chess dan gitar  
**Pasangan:** Leedy Syariza Azman



TIDAK kira tua atau muda, mereka sentiasa dialu-alu menyertai seminar.

